

# Zion FC julang Piala Datin Rosmah

UB 27.07.2012 A14

KOTA KINABALU: Kejohanan Liga Bolasepak Wanita Terbuka Piala Datin Rosmah berakhir dengan kemenangan Pasukan Zion FC apabila menewaskan UMS FC 2-1 pada perlawanan akhir yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Kemenangan itu sekaligus membolehkan Zion FC menerima wang tunai RM5,000 manakala UMS FC selaku naib juara menerima RM2,000.

Ketua pasukan UMS FC, Freddiana Kamilis berkata, pasukan mereka telah mempamerkan aksi yang terbaik namun terpaksa berpuas hati dengan pencapaian tersebut.

Tambahnya, pasukan mereka tidak akan berputus asa dan akan menyertai pelbagai kejohanan pada



**KEDUA-dua pasukan bersalaman sebelum memulakan perlawanan.**

masa akan datang.

"Harapan saya agar pemain-pemain yang sedia ada akan terus memberikan komitmen tinggi dalam latihan di samping usaha kami untuk

mencari bakat-bakat baru di kalangan pelajar wanita melalui kejohanan di dalam Universiti," katanya.

Tambah beliau, pemain-pemain baharu yang telah didedahkan melalui

pertandingan tersebut pastinya akan lebih bersedia pada pertandingan akan datang.

Katanya, faktor-faktor tersebut boleh menguatkan lagi semangat pasukan



**PASUKAN UMS FC bergambar bersama piala yang dimenangi.**

UMS FC pada kejohanan-kejohanan lain kelak.

Pada perlawanan itu,

Dayang Manggie, pemain dari UMS FC yang juga merupakan pelajar dari

gugusan Sains Sukan telah terpilih sebagai pemain terbaik.